

Rekayasa Pendidikan Bahasa Abad Ke-21: Ketekalan Nasionalisme Bahasa dan Pembinaan Budaya Melayu Baharu

*Engineering Language Education in the 21st Century:
Consistency of Language Nationalism and the Construction of New Malay Culture*

Noor Azura Mohd. Hanapi*

E-mail: n.azura.hanapi@gmail.com

Fadzilah Abd. Rahman (Corresponding Author)*

E-mail: dzila@upm.edu.my

*Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia

Abstrak

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang mempunyai kemampuan menterjemah pelbagai bidang ilmu seperti Matematik, Sains, Kejuruteraan, Agama, Teknologi, Peradaban dan lain-lain yang sebenarnya menjadi tunggak falsafah ilmu. Keupayaan bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar dan bahasa rasmi dalam kelompok negara Nusantara tidak dinafikan lagi. Keupayaan bahasa diteliti dari aspek penggunaan bahasa itu, keluwesan sifatnya dan kapasiti penutur telah menjadikan Bahasa Melayu setanding bahasa-bahasa lain di dunia menerusi perkembangan teknologi dalam bidang komunikasi. Sehubungan dengan itu, kertas konsep ini membincangkan perkembangan pendidikan bahasa Melayu pada abad ke-21 serta mengkaji mekanisme kerja pendidikan bahasa Melayu yang mengalami revolusi pendidikan dalam konteks nasionalisme bahasa dan ketekalan budaya etnik Melayu akibat daripada ledakan abad ke-21 dan dunia Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) ini merubah pemikiran bangsa Melayu terhadap bahasa dan budaya ibundanya sendiri. Perhubungan bahasa dan budaya Melayu sebagai identiti bangsa Melayu akan disentuh dalam ketekalan nasionalisme

bahasa dan pembinaan budaya Melayu sejajar dengan arus perkembangan teknologi tanpa memencilkan bahasa ibunda sendiri.

Kata kunci: Bahasa Melayu; Reformasi Pendidikan Bahasa Melayu; Ketekalan Nasionalisme Bahasa; Pembinaan Budaya Melayu Baharu

Abstract

The Malay language is a language that is able to translate many fields of knowledge like, Mathematics, Science, Engineering, Religion, Technology, Civilization, and others. The ability of the Malay language to serve as the language medium and official language of nations in the Malay Archipelago is beyond doubt. The ability of the Malay language based on its use, its flexibility, and the capacity of its speakers has enabled it to stand on par with other world languages through technological developments in the field of communication. This paper discusses the progress in the teaching of the Malay language in the 21st century and the working mechanism of teaching Malay that has undergone a revolution in the context of language nationalism, as well as the

consistency of the ethnic Malay culture resulting from the explosion of the 21st century and the world of Information and Communications Technology. This revolution has changed the ways the Malays look at their own language and culture. The relationship between language and culture as the source of the Malay identity will be discussed in relation to the consistency of language nationalism and the development of the Malay culture in line with the development of technology without trivializing the Malay language itself.

Keywords: Malay Language; Reforming Language Teaching; Language Nationalism; New Malay Culture

Pendahuluan

Perubahan dunia pendidikan sejajar dengan perkembangan teknologi komunikasi media massa. Pembelajaran secara tradisional pada masa kini tidak lagi relevan dengan keperluan semasa murid. Guru perlu lebih proaktif dan kreatif dalam merencanakan menaekisme kerja pendidikan bahasa Melayu agar selari dengan keperluan pendidikan semasa murid (Mohd Isha Awang, 2008). Di samping itu, perubahan dunia pendidikan kini juga perlu mengekalkan kesantunan bahasa dan menerapkan ketekalan budaya bangsa Melayu. Malah teknologi komunikasi massa terutamanya media baharu semakin cepat berubah mengikut arus kemodenan dan industri komunikasi massa itu sendiri (Che Su Binti Mustaffa & Nan Zakiah Megat Ibrahim, 2014). Oleh itu, masyarakat hari ini mula mengubah teknik berfikir dan kegiatan mereka mengikut keperluan dan kegunaan teknologi yang berkembang.

Perkembangan dunia pendidikan yang pesat ini juga membawa kepada perubahan fungsi dan peranan bahasa Melayu itu sendiri. Bahasa adalah lambang-lambang pertuturan yang arbitrari sebagai medium komunikasi sesama masyarakat (Bloch & Trager, 1942). Komunikasi menerusi

bahasa dilakukan secara meluas, baik secara rasmi atau tidak rasmi. Namun, dasawarsa ini perkembangan teknologi komunikasi media massa berkait secara langsung dengan keupayaan manusia menjana idea, kreativiti dan inovasi bagi memantapkan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai lapisan sosioekonomi.

Peranan dan Kepentingan Bahasa Melayu

Bahasa Melayu telah sekian lama digunakan sebagai bahasa pengantar utama pendidikan seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Buku MBMMBI, Kementerian Pendidikan Malaysia;6). Menurut Mohd Rashid Md Idris (Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2013) bahasa Melayu pada masa kini telah diangkat sebagai bahasa moden yang mencapai kedudukan tertinggi. Bahasa Melayu digunakan secara meluas sebagai bahasa ilmiah, bahasa perundangan, bahasa kebudayaan, dan bahasa kesusasteraan yang bermutu tinggi. Bahasa Melayu menduduki kedudukan tertinggi sebagai bahasa moden kerana keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan; bahasa utama pengantar pendidikan bermula dari peringkat pra sekolah hingga ke peringkat universiti; bahasa kebudayaan dan kesusasteraan; lingua franca di negara-negara Nusantara yang memakainya (terutama Brunei dan Indonesia); bahasa Parlimen dan bahasa mahkamah yang digunakan dalam sistem perundangan Malaysia.

Justeru, berdasarkan kedudukan bahasa Melayu yang mendapat tempat tertinggi sebagai bahasa moden, pihak Majlis Bahasa Brunei Darussalam – Indonesia - Malaysia (MABBIM) dan Majlis Asia Tenggara (MASTERA) perlu memainkan peranan penting dalam mempergiatkan usaha menghasilkan produk Nusantara yang memanfaatkan bahasa dan sumber intelektual peribumi melalui perkembangan teknologi agar bahasa Melayu terus

diangkat sebagai bahasa global dan seterusnya mencorakkan arah aliran masa hadapan penutur jati bahasa Melayu di samping mengekalkan ciri-ciri estetika kesantunan bahasa dan ketekalan budaya bangsa Melayu. Oleh itu, nilai-nilai kesantunan bahasa yang terdapat dalam bahasa perlu dijadikan pendorong utama kepada pembangunan sains dan teknologi supaya maruah bahasa Melayu itu tetap terpelihara.

Selain itu, menurut Zaliza et. al (Journal of Human Development and Communication, Volume 1(2012):129-135), bahasa Melayu juga merupakan salah satu akar umbi bangsa yang dapat mengembalikan rasa cinta dan persaudaraan serta pemuafakatan yang kian hilang ditelan arus teknologi komunikasi media massa. Hal ini adalah kerana, melalui pengukuhan bahasa kita dapat menciptakan kesatuan dan kebersamaan. Selain itu, bahasa juga adalah sebagai medium utama penerapan nilai melalui kesantunan bahasa dan juga pengukuhan jati diri bangsa.

Sehubungan itu, matlamat dan tujuan penulisan kertas kerja ini adalah untuk membincangkan apakah mekanisme rekayasa pendidikan bahasa pada abad ke-21 yang perlu diterapkan agar dapat memelihara ketekalan nasionalisme bahasa. Selain itu, kertas kerja ini juga untuk membincangkan bagaimanakah rekayasa pendidikan bahasa abad ke-21 dapat membina budaya melayu baharu tanpa menjejaskan jati diri nasionalisme bangsa.

Kajian-Kajian Berkaitan

Menurut Penyata Laporan Razak (1956), tujuan pendidikan kebangsaan ialah:

“.. menyatukan budak-budak daripada semua bangsa dalam negeri dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar yang besar, walaupun

perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur.”

(Perenggan 12)

(Jurnal Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2013)

Berdasarkan pernyataan laporan Razak ini jelas menyatakan bahawa asas utama pemupukan nilai perpaduan rakyat pelbagai bangsa dan keturunan berkait rapat dengan perencanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan. Oleh itu, dalam sistem pendidikan pascamerdeka, sudah mula terbina falsafah yang mendasari pendidikan bahasa Melayu secara formal di negara ini yang merupakan asas perpaduan dan pembinaan negara bangsa.

Berkaitan dengan peranan bahasa dan pendidikan bahasa dalam proses pembinaan negara, proses pembinaan masyarakat bertamadun dan bernilai tinggi adalah merupakan teras utama dalam sektor perkembangan bahasa. Sektor bahasa, pendidikan dan kebudayaan merupakan jiwa sesuatu masyarakat, atau merupakan hakikat kewujudan masyarakat. Ketiga-tiga sektor inilah yang menjadi asas pembentukan jati diri atau keperibadian masyarakat yang akan memartabatkan bahasa Melayu. Dalam konteks bahasa, ungkapan “Bahasa jiwa bangsa” dan “Hilang bahasa lenyaplah bangsa” menepati gagasan yang diketengahkan. (Mohd Rashid Md Idris, 2013)

Justeru, pada dasarnya faktor bahasa ternyata menyumbang dalam penerapan nilai kesantunan dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa melalui penggubalan Dasar Bahasa Kebangsaan yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan juga bahasa pengantar pendidikan di sekolah-sekolah aliran perdana dan juga sekolah-sekolah vernakular. Bahasa Melayu digunakan secara meluas dan menjadi lambang kepada pembentukan budaya dan bangsa Melayu.

Pada peringkat akar umbinya, revolusi pendidikan bahasa Melayu pada abad ke-21 ini merupakan kesinambungan pelaksanaan pada era sebelumnya. Pendidikan bahasa Melayu masih lagi menjadi nadi utama dalam pemupukan perpaduan rakyat, pengilmuan rakyat, dan penyemaian nilai-nilai kehidupan yang merangkumi kesantunan bahasa dan penyemaian budaya bangsa terutamanya budaya bangsa Melayu. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) menekankan bahawa setiap murid yang menerima pendidikan di Malaysia perlu profisien dalam bahasa Melayu serta melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai di samping dapat bersaing di peringkat global dan mempunyai ketekalan budaya adat timur yang tinggi.

Bermula tahun 2011, pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan secara bersungguh-sungguh demi mengangkat kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa globalisasi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia melalui pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu (Bahasa Malaysia) Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Melalui dasar ini, tiga manfaat yang bakal dikecapi, iaitu pertama, melahirkan warga negara Malaysia yang fasih dan yakin untuk menggunakan bahasa Melayu standard dalam perbualan, urusan rasmi, penerokaan ilmu, dan dalam alam kerjaya mengikut kesesuaian dan keperluan; kedua, membina modal insan yang mampu mengakses pelbagai bidang ilmu melalui pelbagai media seperti teknologi komunikasi maklumat (TMK) serta mempunyai minda yang kritis, kreatif dan inovatif; dan ketiga, membentuk 1Malaysia yang mempunyai jati diri yang kuat, progresif, dinamik, mampu bersaing di peringkat antarabangsa ke arah mencapai negara maju (Buku Kecil MBMMBI, Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pelajaran Malaysia; 6). Dasar MBMMBI amat jelas, strategi memartabatkan bahasa Melayu (bahasa

Malaysia) melibatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk Sains dan Matematik di sekolah kebangsaan dan menengah serta penambahbaikan terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Bahasa Malaysia) (Buku Kecil MBMMBI, Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pelajaran Malaysia; 5).

Ketekalan Nasionalisme Bahasa Dalam Arus Pendidikan Abad Ke-21

Usaha meletakkan bahasa Melayu di tempat yang betul telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui cara pertama adalah dengan pemansuhan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) bermula tahun 2012 dan memperkenalkan penggunaan bahasa Melayu itu dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p) Sains dan Matematik. Selain itu, penggubalan dasar pendidikan baharu dari Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) adalah dengan menambahkan bilangan masa p&p mata pelajaran Bahasa Malaysia di sekolah. Ketiga, penambahbaikan dalam kurikulum sekolah KSSR meliputi kaedah pengukuhan dan penguasaan asas kemahiran berbahasa. Keempat, menyediakan guru Bahasa Malaysia yang mencukupi dan berkualiti. Kelima, memperluas penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dan p&p Bahasa Malaysia melalui penggunaan Frog VLE sebagai media pembelajaran (Berita Harian pada 06 Januari 2011; 29).

Stigma minda murid bandar kini yang semakin mementingkan Bahasa Inggeris telah menyebabkan pembelajaran Bahasa Melayu semakin tercabar. Tugas guru dalam menyampaikan maklumat dan intipati pengetahuan bahasa melayu, kini menghadapi cabaran dalam menggalas peranan baharu dalam menanamkan keyakinan terhadap bahasa kebangsaan.

(Berita Harian pada 16 Julai 2008;11). Justeru, guru perlu kreatif dan inovatif dalam mencari dan mengubah suai pendekatan agar selari dengan keperluan pelajar zaman pasca moden ini. Dalam masa yang sama guru juga perlu bijak dalam memupuk sikap cintakan bahasa kebangsaan kepada murid yang telah digembar-gemburkan dengan kepentingan bahasa Inggeris setelah dasar PPSMI diperkenalkan bermula pelaksanaan secara sepenuhnya di semua sekolah bermula tahun 2007. Implikasi daripada pelaksanaan dasar ini, murid-murid kini lebih memandangkan kepentingan menguasai bahasa Inggeris dan juga telah membawa masuk budaya Barat itu sendiri dalam kehidupan mereka. Walaupun telah lima tahun dasar PPSMI ini dihapuskan murid-murid pasca moden ini masih menjunjung tinggi bahasa Inggeris daripada mendaulatkan bahasa kebangsaan sendiri dan budaya warisan Melayu itu sendiri.

Langkah penambahbaikan sistem pendidikan tidak akan memberikan impak yang maksimum sekiranya guru masih tidak mantap dalam penguasaan bahasa Melayu itu sendiri. Dalam hal ini, Nik Safiah Karim (1980) berpendapat banyak guru ramai guru tidak dapat mengajar bahasa melayu dengan baik dan mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang lemah. Berdasarkan kekangan inilah yang akan menimbulkan masalah dalam melahirkan pelajar yang berketerampilan dari aspek penguasaan bahasa Melayu. Oleh itu, guru juga perlulah bijak merencana isi pelajaran dengan menggabungkan teori bahasa, teori pembelajaran dan pedagogi bahasa dalam pengajaran bahasa supaya pengajaran bahasa Melayu menjadi lebih berkesan. Tidaklah nanti diumpamakan bagai seekor ketam mengajar anaknya berjalan. Di samping itu, guru juga perlu melengkapi diri dengan pengetahuan tatabahasa, sintaksis dan semantik. Dengan pengetahuan bahasa dan ilmu pendidikan yang mendalam, para guru akan dapat

mendepani segala cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam pendidikan abad ke-21 ini.

Selain daripada itu, demi menjaga mutu dan kecekapan berbahasa guru-guru di sekolah, mereka harus diberikan satu kursus penataran, sama ada dengan cara menghantar mereka ke institut perguruan untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran bahasa atau terus sahaja menyampaikan maklumat berkala kepada mereka dari semasa ke semasa. Di samping itu, pihak Pejabat Pendidikan Daerah menerusi program “master coachees” Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (School Improvement Specialist, SISC+) perlu memainkan peranan proaktif dalam menyampaikan maklumat dan informasi terkini berkaitan pengajaran bahasa Melayu agar murid pasca kemodenan ini tidak sahaja kompeten dalam berbahasa tetapi juga mempunyai nilai jati diri yang tinggi. Semoga cara ini dapat meningkatkan taraf penguasaan dan mutu bahasa Melayu dalam sektor pendidikan di samping melahirkan insan yang mempunyai ketekalan nasionalisme bangsa yang tinggi.

Kementerian Pelajaran Malaysia atau Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan juga pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) perlu mengadakan kursus intensif kepada guru-guru bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sesuai dengan tuntutan perkembangan serta kemajuan bahasa Melayu. Atas dasar kesedaran ini, pihak JPN dan PPD telah merencana program seperti Professional Learning Community (PLC) dan menyediakan tenaga pengajar SIP+ dan SISC+ yang mahir dalam bidang bahasa untuk turun ke sekolah-sekolah membantu secara perkongsian ilmu dan bahan pengajaran bahasa yang terkini seiring dengan perubahan revolusi pendidikan.

Terkini, proses pembelajaran murid tidak sahaja berlaku semasa di dalam kelas tetapi juga di luar sesi persekolah menerusi

medium rangkaian pembelajaran alam maya Frog VLE. Ini menunjukkan bahawa pendidikan bahasa kini bukan hanya berlaku di dalam kelas malahan juga menerusi penerokaan alam siber.

Malah, kini aspek falsafah bahasa dan falsafah pendidikan bahasa kian mengukuh di IPTA melalui penawaran mata kursus di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana di samping disertasi di peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Sebagai seorang guru Bahasa Melayu sewajarnya menguasai aspek falsafah ini, selain memahami Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan falsafah pendidikan guru. Menyentuh tentang teori falsafah bahasa (Mohd. Rashid Md. Idris; 2007, 2010 dan 2012), terdapat tiga prinsip asas, iaitu pertama, kegiatan berbahasa mestilah menggunakan nahu yang betul untuk mencapai objektifnya; kedua, kegiatan berbahasa mestilah melibatkan penyampaian maklumat yang betul dan benar; dan ketiga, kegiatan berbahasa adalah suatu ibadah.

Hal ini sewajarnya diperluaskan kepada para guru yang mengajar di sekolah rendah dan menengah sebagai suatu wadah baharu. Manakala, falsafah pendidikan bahasa pula adalah hasil daripada gandingan falsafah bahasa dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Maksudnya, ketiga-tiga prinsip dalam falsafah bahasa akan menjurus kepada tercapainya gagasan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan generasi insan yang seimbang daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI).

Pada masa ini, satu lagi elemen yang perlu ditambah, iaitu aspek sosial memandangkan era ledakan teknologi komunikasi maklumat memungkinkan aspek sosial terpinggir kerana sikap individu yang gemar menyendiri dan menghabiskan banyak masa di hadapan muka komputer sahaja. Oleh itu jati diri bangsa dan semangat nasionalisme bahasa perlu saling mengalami proses osmosis

yang tinggi dengan sistem pendidikan kita kerana sistem pendidikan ini merupakan dasar yang utama dalam penyebaran, penggunaan dan pengukuhan bahasa Melayu.

Media Baharu dan Kemajuan Budaya Melayu Melalui Rekayasa Pendidikan Bahasa

Rentetan daripada perkembangan dunia teknologi komunikasi media massa, telah mempengaruhi bukan sahaja nasionalisme bahasa tetapi juga telah mengubah cara, corak dan bentuk masyarakat berhubung, berfungsi dan berfikir dalam kehidupan yang serba baharu dan mencabar. Masyarakat Melayu mula menghadapi perubahan dari segi nilai yang dikatakan telah menghalang melakukan perubahan tersebut. Bagi mereka nilai-nilai itu telah menghalang mereka untuk bersaing dengan masyarakat lain. Sistem nilai yang bersifat perwatakan bersopan santun, berbudi bahasa dan lemah lembut merupakan antara yang telah menghalang mereka untuk memajukan diri sendiri. Sistem nilai masyarakat Melayu yang menjadi adat dan amalan amat selari dengan ajaran Islam semakin dipinggirkan. Anak muda Abad ke-21 lebih senang menerima sikap keterbukaan masyarakat negara Barat yang dimomokkan sebagai masyarakat yang lebih bertamadun dan disanjung tinggi.

Justeru itu, masyarakat Melayu sering menggunakan alasan itu untuk menyatakan kesukaran mereka untuk menghadapi arus suasana kehidupan moden dan berteknologi. Hal ini menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk bersaing dan mengikuti arus kemodenan seperti masyarakat lain dan menyebabkan semakin ketinggalan jauh (Mohd. Yuszaidy Mohd Yusof Muammar Ghaddaffi Hanafiah, 2015).

Bahkan, mereka juga merasakan bahawa mereka perlu meninggalkan sistem nilai yang mereka mewarisi itu supaya dapat

turut serta dalam persaingan itu. Pertembungan sistem nilai ini selari dengan perkembangan media massa seperti televisyen dan radio yang sering memaparkan, mendengarkan dan memberi gambaran mengenai kehidupan moden yang mementing kebendaan berbanding kerohanian.

Masyarakat Melayu sebelum ini hanya melihat hubungan kekeluargaan adalah satu yang amat penting dalam membentuk kehidupan yang baik (Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 31(2) 2015: 33-46 38). Mereka mula merasa terkeliru dengan paparan-paparan gaya kehidupan moden yang sering dipertontokan di kaca televisyen dan layar filem (Hasrul Hashim & Bahiyah Omar, 2011). Masyarakat Melayu mula secara perlahan meninggalkan dan tidak mengamalkan beberapa amalan berkaitan dengan sistem nilai dalam kehidupan mereka. Kehidupan moden di bandar telah mengurangkan amalan kehidupan seharian dan selain itu, pengaruh daripada media massa telah memberi kesan terhadap masyarakat Melayu.

Namun, menurut pandangan Hadijah Rahmat (Jurnal e-Utama, Jilid 1(2008):9) tujuan pendidikan budaya Melayu melalui pendidikan bukan untuk mengekalkan budaya Melayu, tetapi sepatutnya berfungsi sebagai pembina budaya Melayu baharu. Hal ini kerana, sifat bahasa dan kebudayaan Melayu itu sendiri yang bersifat keterbukaan dan kelenturan bahasa dan budaya Melayu mengalami perkembangan dan dapat diwarisi sehingga kini. Hampir setiap generasi telah dapat membuat penyesuaian terhadap bahasa dan budaya Melayu sesuai dengan lengkungan alam hidup mereka. Jelasnya, kita harus arif dalam membuat penilaian dan mengenali ciri-ciri yang membentuk budaya dan jati diri budaya Melayu supaya dapat mengetahui teras budaya yang perlu disalurkan dan dipertahankan, ciri budaya mana yang perlu diubah elok dan terus

dibina sehingga menjadi satu proses kesinambungan yang dinamis dan progresif.

Norazit Selat (2001), dalam tulisannya, berjudul “Adat Melayu: Kesinambungan dan Perubahannya”, telah menjelaskan isu ini seperti berikut:

“Pertama, adat sebagai satu pegangan hidup atau khususnya, nilai dan norma yang menentukan perlakuan manusia yang dikenali sebagai Melayu akan terus kekal sebagai satu kesinambungan. Kedua, adat sebagai satu cara hidup atau kebudayaan juga akan menghadapi dan mengalami banyak pengubahsuaian atau perubahan yang amat drastik atau ketara sekali. Adat tersebut, khususnya adat istiadat dan juga adat resam, adalah ibarat kata perbilang, sekali air bah sekali pasir berubah....” (Norazit Selat, 2001:90)

“Di dalam aspek ini perubahan banyak berlaku kepada adat yang dianggap tidak menjadi asas kepada jatidiri Melayu. Adat yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah adat istiadat. Adat istiadat ini tidak dianggap fundamental, maka dengan itu sering berubah. Yang paling penting sekali ialah adat yang merupakan norma dan nilai masyarakat kerana di dalamnya terterap jatidiri Melayu.” (Norazit Selat, 2001:98)

Pernyataan di atas, menjelaskan bahawa bangsa yang berjaya dalam semua bidang dapat diukur dengan akal dan budaya berfikir serta warisan kebudayaan yang dipelihara dan kesenian yang indah serta halus. Bangsa yang berjaya juga adalah bangsa yang mempunyai utuh jati diri bangsa dan negaranya. (Zaliza et.al, 2012). Kekuatan kebudayaan dan kesenian memerlukan kerjasama semua pihak terutama melalui pendidikan budaya yang diserap dalam kurikulum pendidikan tanpa menjejaskan kedudukannya dalam arus teknologi komunikasi media massa.

Kesimpulan

Justeru, dalam mendepani isu dan cabaran ini, pihak berwajib dan guru Bahasa Melayu harus bekerja keras dan membuat anjakan dinamik untuk mengatasi cabaran yang getir ini bagi melestarikan dan memartabatkan bahasa Melayu ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini juga, menjadi tanggungjawab semua pihak yang terlibat dalam perkembangan bahasa Melayu terutama para pendidik yang mengajar bahasa untuk memastikan pengajaran bahasa Melayu diterapkan dengan penyerapan nilai jati diri bangsa agar semangat nasionalisme bahasa terus terpelihara. Hal ini dapat mengurangkan sikap murid yang lebih terpengaruh dengan momokan bahawa menguasai bahasa Inggeris lebih berprestij berbanding bahasa Melayu itu sendiri.

Dalam memperkatakan hal ketekalan nasionalisme bahasa dan juga pembentukan budaya Melayu baharu, kelemahan-kelemahan dari peringkat penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu khasnya perlu diatasi. Di samping itu juga, kita harus sedar bahawa rendahnya tingkat penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar mencerminkan rendahnya tingkat penguasaan bahasa dalam kalangan masyarakat umum kini. Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap individu, untuk memartabatkan bahasa Melayu dan bahasa Melayu harus diajarkan benar-benar sebagai satu ilmu dan jati diri bangsa dan bukan sebagai satu kebiasaan. Untuk itu, para perancang bahasa dan para pendidik harus menguasai ilmu tersebut dahulu.

Menurut Awang Sariyan (1999), setiap orang mestilah berazam untuk menyelesaikan masalah penguasaan bahasa diri sendiri. Jika setiap orang dapat melaksanakan azam itu, tidaklah mustahil bahawa pada satu masa kelak, kita akan mempunyai guru, pelajar, pentadbir, pensyarah, ibu bapa dan ahli bahasa yang semuanya dapat menguasai bahasa Melayu

dengan baik. Hal ini kerana, bahasa memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tamadun dan juga dalam hubungan politik, diplomatik, dan perniagaan antara negara dan kumpulan di dunia.

Dalam konteks ini, kita lihat bahawa bahasa merupakan faktor yang penting dalam persaingan kuasa antarabangsa pada peringkat negara dan komuniti atau kumpulan. Penaklukan sesuatu bangsa terhadap bangsa lain turut melibatkan penggunaan bahasa penaklukan dalam komuniti yang ditakluknya menimbulkan keadaan persaingan antara bahasa. Keadaan yang seperti inilah yang menimbulkan kesedaran kepada tanah-tanah jajahan atau taklukan bahawa sebahagian daripada identiti mereka, yakni yang diwujudkan melalui bahasa mereka, mulai terpendam. Dari itu, timbullah perjuangan menegakkan kembali bahasa sebagai satu ideologi kerana dalam bahasa terdapat pemajudan dan juga ideologi (Fairclough, 1989:12).

Di samping itu, minda dan budaya Melayu bukan untuk dilestarikan sahaja, tetapi perlulah terus ditingkatkan dan diperkasakan supaya menjadi minda dan budaya global yang hidup segar dan maju di samping budaya-budaya lain. Ini memerlukan proses pendidikan budaya yang betul dan berkesan melalui perekaasaan budaya yang lengkap, teratur, bukan sahaja dalam sistem pendidikan bahasa di sekolah, tetapi sistem pendidikan dan proses sosialisasi masyarakat yang lebih luas, menyeluruh dan berkesan.

Revolusi pendidikan haruslah peka bahawa kita tidak sekadar mahukan generasi yang berbudi bahasa atau bersopan santun, tetapi juga menghasilkan generasi Melayu baharu yang berilmu, mempunyai nilai progresif, beradab dan berperadaban tinggi dan berbakti kepada bangsa, negara dan dunia antarabangsa. Perekaasaan budaya kita perlu diusahakan segera dengan misi pendidikan utama untuk membina dan

menghasilkan golongan para pemikir atau anggota masyarakat yang mempunyai minda berdisiplin, menggabungkan, mencipta, menghormati dan beretika yang dapat berfungsi dan dinobatkan dalam kelompok Nusantara saja, tetapi diiktiraf sebagai warga dunia yang berjaya, berbakti dan dihormati. Arah dan matlamat pendidikan budaya kita haruslah menuju kepada pembangunan bahasa dan budaya bangsa serta pembangunan peradaban dunia.

Bibliografi

Awang Sariyan. (1999). Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia: Dari Tradisi ke Reformasi dlm *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 43 Bil 10.

Buku Kecil MBMMBI, Unit Komunikasi Korporat, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Che Su Binti Mustaffa & Nan Zakiah Megat Ibrahim. (2014). Persepsi dan penggunaan media sosial dari perspektif ibu bapa: satu analisis kualitatif. *Jurnal Komunikasi*. 30 (Special Issue): 43-74.

Hadijah Rahmat. (2008). Membina minda dan budaya Melayu baru melalui perkhidmatan pendidikan bangsa. *Jurnal e-Utama*.(1): 8-23.

Hasrul Hashim & Bahiyah Omar. (2011). Transformasi penyiaran televisyen melalui internet: kajian perhubungan kepuasan pengguna remaja. *Jurnal Komunikasi*. 27(1): 159-182.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddaffi Hanafiah. (2015). Impak media baharu terhadap sistem nilai masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*.31(2): 33-46.

Mohd. Rashid Md. Idris. (2013). Memartabatkan bahasa Melayu melalui pendidikan dan mendepani cabaran

globalisasi. *Jurnal Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*: 207-222.

Mohd. Rashid Md. Idris.(2010). *Falsafah Pendidikan Bahasa*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.

Norazit Selat, 2001, “Adat Melayu:Kesinambungan dan Perubahannya”, dalam Abdul Latiff Abu Bakar, *Adat Melayu Serumpun*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).

Zaliza et. al. (2012). Bahasa Melayu dalam Arus Globalisasi: Keutuhan jati diri dan ketakutan budaya Melayu. *Journal of Human Development of Communication*. Vol.(1):129-135.